



EDISI
مايس

www.mais.gov.my

MERAWAT LUKA SEMALAM



ELAK DOSA
BERULANG

Ms 5

SIHATKAH
ANDA?

Ms 8

JAGA TINGKAH
LAKU, JAGA
PERBUATAN

Ms 9

Kata-Kata Hikmah

"Jangan hanya melihat masa lampau dengan penuh penyesalan dan jangan pula melihat masa depan dengan penuh ketakutan tetapi lihatlah masa sekarang dengan penuh kesedaran dan muhasabah..."

Dr. Che Mad



IBADAH
SEORANG
LGBT

Ms 17



PERKHIDMATAN**BANTUAN GUAMAN SYARIE
DAN KONSULTASI PERUNDANGAN**

KHIDMAT NASIHAT SECARA PERCUMA berkenaan isu perundangan Syariah dan prosiding bagi semua jenis kes *mal* di Mahkamah Syariah oleh Pegawai Syariah Majlis Agama Islam Selangor.

KHIDMAT BANTUAN GUAMAN SYARIE perkhidmatan sebagai Peguam Syarie yang bertindak mewakili pemohon yang berkelayakan bagi kes di Mahkamah Syariah Negeri Selangor bagi **3 kategori**:

**1 BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI UMUM****JENIS KES**

- Tuntutan pengesahan lafaz cerai
- Permohonan pengesahan rujuk
- Tuntutan perceraian
- Tuntutan fasakh
- Tuntutan pengesahan cerai ta'liq
- Tuntutan khul'/tebus talaq
- Tuntutan sabitan nusyuz
- Permohonan wali hakim/am
- Tuntutan wali enggan/engkar
- Permohonan faraq nikah
- Pengesahan nikah
- Permohonan pengesahatarafan anak
- Permohonan/Tuntutan kebenaran poligami (bagi defendan sahaja)
- Tuntutan nafkah anak
- Tuntutan tunggakan nafkah anak
- Ubah perintah nafkah anak

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia dan bermastautin dalam Negeri Selangor
- Jumlah pendapatan kasar tidak melebihi RM3,000 sebulan
- Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

Hadir terus ke alamat:

**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG SYARIAH
SEKTOR UNDANG-UNDANG
TINGKAT 6, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
SEKSYEN 5, 40000 SHAH ALAM**

2 BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI MUALLAF**JENIS KES**

- Semua kes *mal* di Mahkamah Syariah

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia dan bermastautin dalam Negeri Selangor
- Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

3 BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH ANAK**JENIS KES**

- Saman pengutang penghakiman
- Notis penghakiman

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia dan bermastautin di Negeri Selangor
- Permohonan melalui Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
- Mendapat sokongan dari Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
- Jumlah pendapatan kasar tidak melebihi RM4,000 sebulan
- Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

WAKTU URUSAN

ISNIN SEHINGGA KHAMIS

8.30 PG - 12.30 TGH

2.30 PTG - 4.30 PTG

JUMAAT

8.30 PG - 12.15 TGH

2.45 PTG - 4.00 PTG

03-5514 3643/3695 / 010-946 0592

Borang permohonan boleh didapati di laman web

www.mais.gov.my/bantuan-guaman-syarie-konsultasi-perundungan



Majlis Agama Islam Selangor

[@mais_officialhq](https://www.instagram.com/mais_officialhq)

[@maisgovmy](https://twitter.com/maisgovmy)

www.mais.gov.my



EDISI
Sidang Editorial

KETUA PENGARANG

Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin

Shahrul Effendy bin Md Saat

Maryam binti Md Zain

Mohamad Shukry Bin Sulaiman

Mohammad Salleh Bin Abdul Saha

MERAWAT LUKA SEMALAM



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Layakkah mereka yang terjebak dengan pelbagai jenayah sosial dibantu? Ada pihak menuding jari, mereka sendiri yang mencari, maka biarkan mereka merasa azabnya sendiri. Namun, di satu pihak yang lain melihat, kekhilafan masa silam bukanlah jalan mati untuk kembali. Sebaliknya, luka itu perlu dirawat agar dapat kembali bertatih mencari Tuhan.

Edisi MAIS tampil membahaskan realiti ‘luka semalam’ yang perlu dirawat. Kami percaya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mempunyai obligasi di sini. Dengan penuh amanah, MAIS dan seluruh jajaran agensinya mengambil sikap, tidak ada keraguan sama sekali untuk membina mereka yang mahu berubah. Ingatlah, tugas kita bukan menghukum, namun membimbing ke jalan Tuhan yang penuh harapan.

LGBT

Menyebut sahaja kalimat LGBT, maka apa yang terpampang di benak kita adalah negatif belaka. Begitulah. Tidak dapat disangkal, amalan LGBT adalah keji, penerus laknat Tuhan zaman-berzaman. Kita tidak mahu sama sekali terlibat dengan amalan keji ini. Malah kita berharap, jangan ada dalam kalangan kita yang terjangkit sama.

Lesbian, iaitu hubungan seks songsang sama jenis wanita. Membayangkannya sahaja menggelikan. Apa lagi gay, hubungan seks sesama lelaki. Tidak terbayang di minda betapa jahatnya orang yang melibatkan diri dalam kancang jenayah ini.

Biseksual, ataupun keterlibatan seks dua arah, sesama jenis dan lawan jenis berbeza, adalah penyumbang biaknya kuman AIDS kepada pasangan yang tidak berdosa. Begitu juga transgender yang marak, khasnya dalam kalangan ‘wanita jadian’ yang merasakan dirinya terjebak di tubuh lelaki. Aduhai, semuanya kita saksikan di depan mata hari ini.

Namun begitu, bagaimana pula dengan mereka yang telah terjebak ke dalam kancang immoral ini, lalu tiba-tiba disapa bayu hidayah? Tiba-tiba ada riak penyesalan yang berombak-ombak melambung di batinnya. Menghempas ke karang lalu menyisakan sesal kepedihan. Apakah bagi mereka yang sudah terasa berdosa, dan mahu kembali mencari pangkalnya, tidak boleh dikasihan belas?

Pelacuran, Bohsia dan Rosak Akhlak

Pelacuran juga adalah barah yang sekian lama mendekam. Hari ini, dengan segala perundangan yang ada, pelacuran masih membiak. Lebih parah apabila ada yang menjual maruah di jalanan, seperti bohsia hanya dengan sepinggan makanan. Maruah tiada erti, dek kerana iman yang tipis di jiwa.

Maka, sekali lagi kita tidak reda tsunami akhlak ini terus melanda. Harus ada hadnya. Wajib ada usaha menghalang. Paling penting, ada dalam kalangan mereka yang terjebak tanpa kerelaan, atau dek desakan kehidupan, atau dijual dengan paksa ke lembah kehinaaan.

Tiadakah peluang kedua buat mereka? Apa lagi halangan buat kita menghulurkan tangan?

Kerosakan Akidah dan Kedurjanaan Dadah

Tiada dosa yang lebih besar melainkan akidah yang tersasar. Ini adalah kemuncak keruntuhan jiwa manusia. Allah SWT bisa mengampunkan segala dosa, selagi mana manusia tidak menduakan-Nya.

Namun inilah yang berlaku di depan mata. Mereka yang terjebak ke lembah kepincangan akidah. Meyakini manusia yang busuk sebagai Tuhan, mempercayai bahawa ada manusia yang tarafnya wakil Tuhan pembawa ke syurga. Mempercayai kononnya masih ada yang menjadi nabi walau setelah kewafatan nabi terakhir.

Kedurjanaan dadah juga tidak ada hentinya. Malah, modus operandi sang pencandu narkoba ini makin pelbagai. Akibatnya, rumah tangga porak peranda. Ibu dibunuhi oleh tangan anak yang dahulu dilahirkan dari rahimnya sendiri. Bapa diterajang sehingga patah riuk. Anak isteri ditelanterkan malah ada dicampak ke lembah AIDS yang tertular dek biang jarum suntikan.

Kegilaan ini, perlu dihentikan. Ia bukan omong kosong. Ia adalah tekad yang kukuh, niat yang bulat dan usaha yang tidak kenal jerih dan letih. **Edisi**

MERAWAT LUKA SEMALAM: INI TEKAD MAIS



Oleh: **Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



KREDIT: AKHBAR SINAR HARIAN

Kemelut dan tragedi sosial ini menyaksikan MAIS dan agensinya, seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan NGO yang didokong MAIS, tidak berpeluk tubuh tanpa melakukan apa-apa. Demi merawat luka itu, berikut adalah antara inisiatif dan komitmen MAIS, LZS dan beberapa NGO dalam mendepaninya.

1. Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman

Pusat ini menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada individu serta kumpulan Islam yang terseleweng dan memerlukan pemulihan akidah. Kemasukan ke sini adalah dengan arahan pihak mahkamah atau secara sukarela, namun harus ada dokumen tertentu seperti akuan bersumpah dan laporan polis.

Di sini, terapi yang dijalankan antaranya ialah melalui penghayatan ibadah fardu dan sunat, pemerkasaan ilmu fardu ain, pengajian fiqah, sirah, tafsir al-Quran dan sesi kaunseling khususnya menerusi modul Istitabah (taubat) yang disediakan oleh MAIS.

Pusat ini berlokasi di Lot 8789, Jalan Sungai Tua, Hulu Yam Bharu, 44300, Selangor.



2. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan MAIS

Pusat ini menguruskan perkhidmatan perlindungan, pemulihan dan kaunseling kepada wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala aosial dan akidah, termasuklah isu hamil di luar nikah. Kemasukan ke pusat ini adalah dengan arahan pihak mahkamah atau boleh juga secara sukarela, iaitu menerusi penghantaran dokumen meliputi akuan sumpah dan laporan polis.

Bentuk terapi di sini adalah melalui kelas fardu ain (subjek adab, akidah, fiqh wanita, ibadah, tahsin solat dan tajwid), kelas kemahiran (jahitan / kraftangan / masakan), kelas pengajian al-Quran / kuliah Maghrib, usrah, kawad kaki / Smart Agro, sesi kaunseling (Individu/Kelompok), Tuisyen PT3 / SPM, ceramah agensi dan kursus / kem / seminar jati diri.



Pusat ini berlokasi di Jalan Raja Chulan, Pekan Sabak Bernam, 45200 Sabak Bernam, Selangor

3. Pusat Pemulihan Dadah / HIV Baitul Islah MAIS AADK

Pusat ini menyasarkan untuk mengurus dan menyelia hal ehwal pemulihan pesakit HIV / AIDS dan ia dikendalikan dengan kerjasama pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Mereka yang dimasukkan ke sini kebanyakannya adalah penagih dadah tegar dan juga penghidap HIV.

Cara kemasukan ke sini adalah, sama ada dengan rujukan dari pihak lain ataupun secara sukarela, dengan syarat mereka bersedia untuk bertaubat serta menjaga agamanya. Antara terapi yang dijalankan adalah rawatan klinikal, istitabah, kelas bimbingan dan kelas bimbingan daripada pihak AADK.



Pusat ini bermukim di Lot Pt 20304 Jalan Air Terjun, 48200 Serendah, Selangor.

4. NGO Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia (Astana Budi)

NGO ini menyediakan dirinya sebagai pusat perlindungan, rawatan dan penjagaan bagi pesakit-pesakit HIV lelaki yang beragama Islam. Kemasukan ke rumah ini adalah dari pemindahan mereka yang sebelumnya mendiami pusat jagaan milik non muslim, termasuk pihak gereja. Antara bentuk terapi di sini ialah dengan mengadakan kursus motivasi, kursus keagamaan dan akhlak, penghayatan ilmu agama dan juga rawatan kaedah Islam.

Pusat ini beralamat di 40160 Sungai Buloh, Selangor.

5. Rumah Darul Ukhwah Yayasan Al-Ijabah

Rumah ini juga bermatlamat untuk memberikan perlindungan, penjagaan dan pemuliharaan kepada pesakit-pesakit HIV muslim yang sebelum ini terlibat dengan dadah dan mengidap HIV/AIDS. Kemasukan mereka ke rumah ini kebanyakannya adalah dari perpindahan pusat perlindungan milik non muslim. Di sini, antara terapi yang dijalankan adalah aktiviti kerohanian, pengajian agama, bacaan al-Quran, zikir dan juga sesi bersama masyarakat.

Rumah ini beralamat di Lot 20, Batu 13, Jalan Tempinis, Kampung Tengah, 47100 Puchong, Selangor.

Kesimpulan

Ini adalah sebahagian daripada inisiatif MAIS demi memastikan luka semalam dijahit kembali, agar mereka dapat kembali ke landasan yang direday Tuhan. Di sini dana zakat sangat membantu, khususnya di bawah nama Al-Riqab. Terima kasih pembayar zakat, andalah sesungguhnya hero asnaf!

Nota: Info lanjut mengenai institusi-institusi di atas boleh diperolehi dengan menghubungi Pusat Pemulihan Al-Riqab, MAIS di talian 03-55143400 atau layari www.mais.gov.my. Edisi

JAUHI ZINA - ELAK DOSA BERULANG



Oleh: Dr. Halim Bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Usuluddin
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)

Menurut statistik jumlah kelahiran anak luar nikah yang melibatkan remaja sangat membimbangkan. Ianya juga melibatkan pembuangan bayi yang tidak berdosa akibat ketelanjuran yang dilakukan. Isu ini telah menimbulkan persoalan apakah remaja Islam kini menganggap bahawa perbuatan zina sehingga mengandung berkali-kali merupakan suatu normalisasi budaya dan diterima dengan hati yang terbuka.

Dalam sebuah Rancangan TV memaparkan pengakuan jujur dan berani gadis Melayu Islam yang sudah beberapa kali menggugurkan kandungan dan akhirnya insaf mahu melahirkan anak luar nikah. Inilah realiti yang telah berlaku apabila tidak rasa malu dan insaf melakukan dosa yang berulang yang menyebabkan berlaku kerosakan di dalam komuniti.

Kajian yang telah dijalankan faktor terjadinya perzinaan di kalangan remaja antaranya disebabkan oleh perkara berikut:

1. KECENDERUNGAN PENGARUH RAKAN SEBAYA

Ia adalah teman yang paling rapat di kalangan remaja. Kebergantungan kepada ibu bapa semakin kurang. Rakan lebih disayangi daripada keluarga. Segala bertingkah laku akan mewarnai kehidupannya meskipun nilai bertentangan supaya diterima oleh rakan-rakan.

2. KECANDUAN MEDIA SOSIAL

Segalanya di hujung jari. Mudah dan pantas tanpa sekatan dan tapisan. Tanpa sempadan kepada maksiat dengan mencetuskan dorongan yang negatif.

3. KELALAIAN IBU BAPA

Kesibukan dalam kerjaya, komunikasi terhad, terlalu percaya dan meletakkan tanggungjawab mendidik kepada pihak sekolah sahaja.

4. KEJUTAN BUDAYA

Gaya hidup yang bebas telah mempengaruhi minda untuk terjebak dengan budaya yang tidak bermoral.

5. KEINGINAN MENCUBA

Mengalami perasaan ingin tahu serta kehendak mencuba perkara baru dalam hidup sehingga terjebak dengan seks bebas tanpa menghiraukan kesan di sebaliknya.

6. KURANG DIDIKAN AGAMA

Galak dalam melaksanakan perintah dan larangan Allah dalam kehidupan, halal dan haram, dosa dan pahala tidak dapat dibezakan.

7. KEBEBASAN PERGAULAN

Tanpa pengawasan, gejala pergaulan bebas ini dianggap sebagai normalisasi budaya bagi manusia di alaf baru ini yang mendorong perzinaan.

Akibat daripada perbuatan zina telah menyebabkan beberapa perkara :

1. Keturunan menjadi porak-peranda
2. Hilangnya sifat malu
3. Tersebar penyakit
4. Lahirnya anak zina atau anak tidak sah taraf
5. Kes pembuangan bayi

Lantaran insiden perzinaan semakin rancak berkembang maka beberapa usaha perlu dilaksanakan bagi mengelakkan dosa berulang dan mengekang kemurkaan Allah. Antara langkah yang mesti diambil:

- 1. Pengukuhkan Jati Diri Remaja.** Memiliki keteguhan keimanan yang kental. Nilai taqwa dan integriti yang tinggi tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang merosakkan diri.
- 2. Perkasa institusi Keluarga.** Ketua Keluarga mesti berperanan memantau aktiviti anak-anak, berkomunikasi dan utamakan sesi bersama keluarga.
- 3. Pencegah Bersama Komuniti.** Segala usaha pencegahan zina adalah tanggungjawab bersama atas dasar amar ma'ruf nahi mungkar. Komitmen pimpinan setempat adalah keutamaan.
- 4. Pemerkasaan ilmu Pengetahuan.** Penekanan isu pengharaman zina, mudarat dan berkaitan dengan aurat, bersentuhan dan batas pergaulan remaja perlu ditegaskan dalam Pendidikan.
- 5. Program Pembangunan Remaja.** Menyediakan program kem jati diri dan sesi kaunseling dalam membentuk remaja yang hebat dan emosi yang stabil.
- 6. Pencegahan melalui media sosial.** Kerjasama para pendakwah dan NGO menyediakan siri pesanan ringkas mengenai bahaya zina melalui ruang media sosial remaja seperti TikTok, Instagram dan FB.
- 7. Kesepakatan pimpinan Umara, Ulama dan Dai.** Mengutamakan maqasid syariah dalam tadbir urus. Meletakan prinsip agama di hadapan, bukan setelah tiada jalan penyelesaian.
- 8. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.** Mendapatkan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, dan Kaunseling kepada remaja yang terlibat dengan gejala sosial dan akidah di talian **03 32161286**. "Jangan buntu jangan keliru, insya-Allah kami cuba bantu".

Kesimpulannya perbuatan zina merupakan dosa besar yang sangat memberikan kesan kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia. Remaja mestilah bersedia untuk menjauhi segala anasir yang boleh mendorong kepada perzinaan. Jangan ulangi dosa. Anda bijak jauhi zina. Ingatlah amaran Allah di dalam Surah Al Isra' ayat 32:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)". (Surah Al-Isra' : 32). **Edisi**

ZAKAT (ASNAF RIQAB) MENYANTUNI GOLONGAN TERSASAR SOSIAL DAN AKIDAH



Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Budaya songsang semakin menular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Majoriti masyarakat Malaysia menolak tuntutan golongan ini kerana gaya hidup songsang yang diamalkan mereka bertentangan dengan norma masyarakat dan Perlembagaan Malaysia. Permasalahan kecelaruan seksual dan jantina, yang merujuk kepada komuniti Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT) bukan merupakan isu baru. Sebaliknya, Allah SWT telah menjelaskan tentang permasalahan homoseksual yang berlaku di kalangan umat Nabi Luth a.s. Perbuatan homoseksual tersebut jelas merupakan perkara yang keji sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Araf pada ayat 80-84.

Berasaskan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor 2011, peruntukan daripada sumber zakat boleh digunakan bagi membebaskan umat Islam yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah bagi memastikan mereka bertaubat dan kembali ke pangkal jalan.

Mutakhir ini, permasalahan sosial amat membimbangkan dengan peningkatan jumlah orang yang menghidap HIV dan perlakuan seks songsang, kes wanita hamil tanpa nikah, peningkatan jumlah penagih dadah, judi dan arak, kanak-kanak terpinggir tanpa pendidikan dan perlindungan yang selamat, warga emas gelandangan, peningkatan golongan LGBT serta orang yang mendapat penyakit mental akibat dari penyalahgunaan dadah dan ajaran sesat. Lebih malang lagi, mereka ini sebahagiannya adalah umat Islam yang memerlukan bimbingan untuk mereka kembali bertaubat. Justeru, MAIS menggalas tanggungjawab membantu membimbing asnaf al-Riqab supaya mereka kembali bertaubat dan menjadi mukmin yang diredhai Allah SWT.

KESAN TIDAK MENYANTUNI GOLONGAN LGBT

a) Penyebaran Penyakit Berjangkit yang kronik

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia menunjukkan bahawa jangkitan HIV secara majoritinya disumbangkan oleh golongan heterosexual iaitu sebanyak 42 peratus. Laporan ini juga menunjukkan bahawa golongan homosexual dan bisexual penyumbang kedua kepada jangkitan HIV iaitu sebanyak 36 peratus.

b) Pengaruh Promosi LGBT meluas di Media Sosial

Berdasarkan pemerhatian umum dengan merujuk kepada laman sesawang www.ranker.com dengan kata kunci "Top LGBT Social Networks" terdapat lebih kurang 80 laman sosial yang dikenalpasti mempromosikan agenda LGBT, profil masyarakat Malaysia berdaftar di laman-laman sosial LGBT, penglibatan masyarakat Melayu mencatatkan peratusan yang kedua tertinggi.

c) Pengaruh Kepada Generasi Masa Depan Negara

Golongan LGBT ini telah mencatatkan peningkatannya sepanjang tahun tidak kira di Malaysia mahupun di dunia. Jumlah golongan homoseksual ini telah meningkat seramai 310,000 orang dalam tempoh lima tahun pada tahun 2018 berbanding 2013 yang mencatatkan seramai 173,000 orang. Statistik menunjukkan sepanjang tempoh 20 tahun, jumlah peningkatan golongan



transgender pula adalah lebih 100 peratus iaitu seramai 30,000 orang pada tahun 2018 berbanding 10,000 orang pada tahun 1988.

PERANAN BAHAGIAN PEMULIHAN AL-RIQAB

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Pemulihan Al-Riqab berperanan untuk memberi perlindungan, pemulihan, rawatan kepada golongan LGBT hijrah yang termasuk dalam golongan asnaf Al-Riqab supaya mereka dapat kembali ke jalan yang benar.

i. Perlindungan

Bahagian Pemulihan Al-Riqab berperanan menyantuni komuniti LGBT dalam memberi perlindungan kepada mereka. Sebagai contoh jika pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab dapat mengenal pasti mana-mana komuniti LGBT yang dibuang keluarga, tiada tempat tinggal dan tiada punca pendapatan akan diberikan tempat perlindungan dibawah Rumah perlindungan NGO yang telah berdaftar di bawah MAIS. Selain itu juga, sebahagian daripada mereka yang mempunyai masalah kesihatan yang serius seperti mengidap penyakit HIV/AIDS. Bukan itu sahaja, malah juga akan menyalurkan bantuan makan minum mengikut keperluan sehingga mereka mampu untuk berdikari.

ii. Pemulihan

Usaha pemulihan yang telah diberikan kepada golongan LGBT adalah menyediakan kelas bimbingan agama yang telah dianjurkan oleh rumah-rumah pemulihan Al-Riqab pada setiap minggu dan turut mengadakan program-program pemulihan dan sebagainya. Mereka akan mendapat bimbingan yang sepenuhnya daripada guru-guru yang dilantik supaya masalah yang dihadapi oleh mereka dapat dipulihkan dengan sebaiknya. Antara topik perbincangan bagi pemulihan tersebut adalah merangkumi aqidah, ibadah, tauhid, syariah dan sebagainya. Disamping itu juga, mereka akan mendapat bimbingan kaunseling secara tidak langsung.

iii. Rawatan

Sebahagian komuniti yang mempunyai latar belakang yang kurang baik dari segi kesihatan yang menyebabkan ada segelintir mereka yang menghidap penyakit HIV/AIDS. Setelah dikenal pasti tahap keperluan mereka, bantuan rawatan tersebut segera disalurkan, walaupun kos rawatan dan ubat yang diperlukan adalah sangat tinggi. Anggaran rawatan penyakit seperti HIV/AIDS tersebut mencecah RM3,000 setahun. Selain itu juga, rawatan Spiritual Islam juga turut disediakan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab untuk membantu menyediakan rawatan secara fizikal dan rohani komuniti, sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan mereka sentiasa dibantu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya adalah wajar kita menjauhi sikap sambil lewa dalam membanteras gejala ini, barangkali hari ini ia adalah masalah anak orang lain, namun tidak mustahil esok lusa ia akan terkait dalam kekeluargaan kita. Saya menyeru semua pihak berpadu tenaga bersama-sama bahagian Al-Riqab MAIS bagi menyantuni golongan LGBT dengan penuh berhikmah agar mereka kembali ke pangkal jalan dan berubah menjadi golongan yang akan menjalani kehidupan berlandaskan maqasid syariah yang ditetapkan oleh Islam. **Edisi**

AYUH BERGANDING BAHU MARTABATKAN AGAMA ISLAM



Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Tanggungjawab dalam memartabatkan agama Islam di Selangor bukan hanya terletak pada pihak kerajaan semata-mata, sebaliknya ia adalah tanggungjawab setiap umat Islam di negara ini. Institusi Islam tidak seharusnya melihat diri mereka sebagai suatu badan eksklusif dan tidak boleh dikritik atau menerima sebarang teguran terutama dalam soal pengurusan dan pentadbiran Islam Selangor, namun seharusnya dapat bekerjasama dengan setiap individu, agamawan serta pertubuhan Islam yang lebih berpengetahuan atau berpengalaman dalam sesuatu bidang. Kehadiran Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) di Selangor ini tidak seharusnya dilihat hanya sebagai pemain sampingan semata-mata tetapi mereka sebenarnya perlu dianggap sebagai rakan kongsi dan sebahagian daripada agensi Islam negeri.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula, melihat PIBK ini sebagai suatu badan dakwah Islam yang dapat membantu MAIS dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengatur aktiviti dan program secara berkala bagi menjadikan masyarakat lebih memahami dan menghayati ajaran Islam yang suci serta memperbaiki kehidupan mereka ke arah kebaikan.

Keberkesanan mereka menyampaikan Islam melihatkan komitmen yang diberikan dalam mempertahankan nilai murni dan kepentingan Islam serta umat sejagat. Namun, mereka yang menggerakkan PIBK ini terpaksa berjuang dan berusaha dengan sumber yang terhad memandangkan ramai yang melakukan kerja ini secara sukarela tanpa sebarang imbuhan.

Sehubungan itu, sejak tahun 2006 lagi MAIS telah mengambil keputusan untuk mendaftarkan kesemua pertubuhan Islam yang aktif di negeri Selangor. Pendaftaran ini dilaksanakan bagi membantu mereka dari segi kewangan, penyelaras aktiviti dan memantau pelaksanaan program PIBK di seluruh Selangor. PIBK yang didaftarkan berperanan seperti berikut:

- 01** Menjaga, mempertahankan dan memartabatkan agama Islam;
- 02** Mengutamakan kepentingan Islam berdasarkan Maqasid Syariah;
- 03** Membangunkan masyarakat Islam yang sejahtera di Negeri Selangor berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
- 04** Menangani isu semasa akidah dan sosial secara proaktif dan bersepakat;
- 05** Membina jaringan kerjasama, saling menghormati dan membantu satu sama lain.
- 06** Mengusahakan, memperbaiki, mengukuhkan silaturahim dan ukhuwah Islamiyah dengan mengelakkan perpecahan dan perbalahan.

Sehingga tahun terakhir 2022, sebanyak 97 PIBK telah mendaftar di MAIS dengan pecahan kategori seperti berikut:

BIL	KATEGORI	JUMLAH PIBK
1	Pertubuhan / Persatuan / Kelab	84
2	PIBK Rumah Perlindungan Muallaf	1
3	PIBK Pusat Pemulihan	2
4	PIBK Pusat Jagaan Warga Emas	4
5	PIBK Rumah Kebajikan Anak Yatim	6

Berdasarkan kategori tersebut pula, 10 kluster PIBK telah diwujudkan yang bertujuan untuk memudahkan pihak MAIS dalam merekod dan memantau setiap program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak PIBK. Senarai kluster tersebut adalah:

- Kluster 1:** Kluster Dakwah dan Islah
- Kluster 2:** Kluster Pemantapan Akidah
- Kluster 3:** Kluster Pemerksaan Halalan Toyibban
- Kluster 4:** Kluster Pendidikan Islam
- Kluster 5:** Kluster Pembangunan Muallaf
- Kluster 6:** Kluster Pemulihan Al-Riqab
- Kluster 7:** Kluster Kebajikan Fakir dan Miskin
- Kluster 8:** Kluster Kebajikan Anak Yatim
- Kluster 9:** Kluster Pembangunan Kekeluargaan Islam
- Kluster 10:** Kluster Amar Makruf Nahi Mungkar

Kesemua kluster tersebut akan dipantau oleh penyelaras kluster, di mana penyelaras ini juga berperanan dalam membantu proses sumbangan dana, mengawal selia aktiviti dan membuat laporan berkala bagi setiap PIBK yang berdaftar dalam mesyuarat yang berkaitan.

Secara kesimpulannya, sebahagian masyarakat Selangor masih lagi bergelumang dengan kemaksiatan dan keruntuhan moral yang semakin berlaluosa dan sangat membimbangkan. Justeru, peranan PIBK ini dilihat dapat membantu pihak MAIS untuk mengislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam yang suci adalah sangat diharapkan. Kerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam secara bersepakat dari sebarang anasir ataupun ancaman yang boleh menggugat kedudukan Islam sama ada dalam bentuk ancaman akidah mahu pun ancaman sosial kepada umat Islam. Oleh itu, tanggungjawab MAIS dalam melahirkan masyarakat generasi Rabbani di Selangor dapat dizahirkan dengan lebih berkesan. Walluhua'lam. **Edisi**

SIHATKAH ANDA?



Oleh: Mohd Salleh Bin Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran, MAIS

Kesihatan yang diberikan oleh Allah SWT adalah nikmat yang wajib kita syukuri. Ibn Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: "Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang." (Riyat al-Bukhari).

Kesihatan yang baik bermula dari dalam diri sendiri. Menjaga kesihatan adalah tanggungjawab manusia atas amanah Allah ke atas diri mereka. Tubuh badan dan anggota serta kesihatan yang diberikan oleh Allah adalah wajib dijaga, dipelihara dan dilarang dari sakiti ke atasnya. Bagaimakah manusia mengamalkan kehidupan yang sihat supaya tidak terjebak gejala sosial? Ada beberapa perkara yang perlu kita ketahui dalam mengamalkan kehidupan yang sihat iaitu dari segi fizikal, mental dan kerohanian.

Dari segi fizikal iaitu mengamalkan senaman dan riadah secara konsisten. Dengan melakukan aktiviti senaman, jantung akan menjadi sihat dan kuat. Sisa toksik dalam badan pula akan keluar melalui peluh kita semasa bersenam. Senaman yang kita lakukan akan membolehkan darah mengalir dengan baik dan menguatkan lagi otot-otot badan.

Amalan pemakanan seharian juga mestilah dijaga supaya makanan yang dimakan itu adalah seimbang. Pemakanan seimbang membolehkan tubuh badan kita menjadi sihat dan tidak obesiti. Pemakanan yang tidak seimbang akan menyebabkan badan kita mendapat pelbagai penyakit seperti darah tinggi, penyakit jantung dan kencing manis.

Bagi penjagaan mental, utamakan rehat secukupnya, tanpa rehat yang cukup badan tidak dapat berfungsi dengan sempurna termasuk otak dan kesihatan mental. Ambil langkah dengan memastikan anda mendapatkan tidur yang cukup seperti mengurangkan pengambilan kafein serta tidur dan bangun pada waktu yang ditetapkan setiap hari. Jika tidur tidak berkualiti maka untuk melakukan sesuatu pekerjaan akan hilang fokus. Jauhi



perkara yang boleh merosakkan mental dengan pengambilan dadah, menonton pornografi dan melakukan aktiviti yang tidak sihat. Firman Allah S.W.T:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)." [al-Isra': 32]

Sebagaimana larangan Allah agar menjauhi zina kerana kesan zina tersebut memudaratkan seperti berlakunya penyakit HIV/AIDS dan merosakkan nasab keturunan dengan percampuran sosial sehingga berlaku hubungan terlarang. Jauhilah perkara tersebut dengan sentiasa memperbanyakkan aktiviti iaitu dengan menghayati alam semula jadi seperti mendaki bukit, menikmati suasana pantai dan melihat keindahan alam.

Selain itu, pergaularan bersama rakan-rakan yang sentiasa berfikiran positif sangat membantu dalam memastikan mental kita dalam keadaan yang sihat. Lingkaran rakan-rakan yang memberi sinergi yang positif akan menjadikan mental lebih sihat dan berkualiti.

Di samping itu, pemantapan rohani sangat penting bagi memastikan kehidupan diri yang sihat. Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Ingatlah dan bahawasanya dalam jasad manusia itu ada seketul daging yang apabila baik daging itu, maka baiklah jasad keseluruhannya, dan jika rosak daging itu, akan rosaklah jasad keseluruhannya, ingatlah, itulah dia hati" (HR al-Bukhari dan Muslim). Berdasarkan hadis di atas, kita dapat mengetahui betapa pentingnya peranan rohani. Jika rohani seseorang itu lemah, maka lemahlah jasmaninya kerana kedua-dua elemen ini saling berkait. Kecantikan rohani akan menggambarkan keindahan jasmani. Bagaimakah ingin memastikan rohani ini sentiasa sihat iaitu istiqamah solat berjemaah, rajin membaca Al-Quran dan perbanyak zikir.

Solat adalah tiang agama, jika tidak solat maka robohlah tiangnya maka rosaklah rohani dalamnya itu. Untuk memastikan tiang agama itu kukuh, paksakan diri kita untuk solat dan menghadiri solat berjemaah. Dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud,

"Sembahyang berjemaah adalah lebih utama (baik) daripada sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh darjah". (HR al-Bukhari dan Muslim). Setiap Muslim wajib menunaikan solat fardhu lima waktu sehari semalam. Jadi alangkah lebih baik jika setiap muslim itu solat berjemaah.

Di samping muslim tersebut diberikan pahala yang berlipat kali ganda dari solat bersendirian, ia juga dapat menguatkan rohani. Kemudian, rajinkan diri kita membaca Al-Quran sekurangnya satu muka surat sehari supaya jiwa rohani ini sentiasa dipandu hidayah Allah. Dan akhir sekali, perbanyak berzikir dan selawat kerana ada ketenangan dalam diri dalam memperolehi kesihatan rohani.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "laitu orang yang beriman dan tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah! dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia." (Surah arRa'd, ayat 28). Akhirnya kesihatan ini adalah anugerah Allah, maka kita kembali dan mengadulah kepada Nya. Kehidupan umat Islam meletakkan kebergantungan dan meletakkan harapan hanya pada Allah S.W.T, tidak selainnya. **Edisi**

JAGA TINGKAH LAKU, JAGA PERBUATAN



Oleh: Ustazah Maryam Binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Penyelidikan, JAIS

Orang Islam hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku dan perbuatan. Sebab apa? Sebab Agama Islam melarang melakukan perbuatan yang tidak mengikut syariat. Setiap larangan sudah pasti ada hukumannya. Hukuman bagi orang Islam yang melanggar hukum syarak pada hari ini dilaksanakan mengikut hukuman takzir. Di Negeri Selangor hukuman takzir bagi orang-orang Islam yang melanggar hukum syarak dilaksanakan mengikut Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 iaitu undang-undang tentang kesalahan-kesalahan Syariah, dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

KESALAHAN

- Sumbang mahram
- Pelacuran
- Muncikari
- Persetubuhan luar nikah
- Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
- Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii.

HUKUMAN

Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

KESALAHAN

- Hubungan jenis antara orang yang sama jantina.

HUKUMAN

Denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

KESALAHAN

- Khalwat

HUKUMAN

Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

KESALAHAN

- Lelaki berlagak seperti perempuan
- Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

HUKUMAN

Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk mengkomitkan orang yang disabitkan bersalah ke pusat pemulihan atau rumah diluluskan. Seksyen 54 (2) dalam Enakmen ini menyatakan jika mana-mana Mahkamah telah mensabitan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Bagi tujuan itu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan untuk menguruskan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, dan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial dan akidah. Selain daripada perintah mahkamah, wanita Islam yang melakukan jenayah kesusailaan boleh mendapatkan perkhidmatan pusat ini secara sukarela. Manakala wanita dan lelaki Islam lain yang tersilap langkah melakukan perbuatan bertentangan dengan kesusailaan Islam boleh mendapatkan bimbingan dan pemulihan di rumah Persatuan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) atau rumah pemulihan al-Riqab yang menjadi sahabat MAIS.

Justeru, orang Islam sentiasa perlu berwaspada dalam setiap perbuatan dan tingkah laku. Jangan sesekali mengkritik dan merendah-rendahkan undang-undang dan hukuman kerana matlamat undang-undang Islam adalah untuk mengatur tindakan manusia agar selaras dengan ajaran Islam dan nilai-nilai Islam apatah lagi antara lain matlamatnya ialah membentuk akhlak individu dan masyarakat. Ini termasuk menggalakkan amalan kebaikan, mengelakkan maksiat, dan mempromosikan nilai-nilai seperti kejujuran, kesetiaan, dan kebaikan. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi:

Bahagian Undang-Undang Syariah, Sektor Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor

Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5514 3643 • Fax: 03-5512 7202 • Portal Rasmi: www.mais.gov.my

KEBAJIKAN PESAKIT HIV/AIDS MUSLIM TERBELA DI DARUL UKHWAH



Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan MAIS

Darul Ukhwah merupakan sebuah rumah kebajikan yang memberi perlindungan, penjagaan dan pemulihan kepada pesakit-pesakit HIV muslim. Ianya bernaung di bawah Yayasan Al-Ijabah yang memulakan operasi pada tahun 2009.

Sehingga Ogos 2023 seramai 55 orang pesakit HIV/AIDS menjalani pemulihan dan rawatan dengan kerjasama dan sokongan penuh dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Rumah ini juga mendapat bantuan penuh dana operasi daripada MAIS dan LZS melalui peruntukan asnaf riqab.

Bermulanya sejarah penubuhan rumah ini adalah semasa Ustaz Muhamad Abdullah Amin menerima jemputan ceramah di gereja untuk pesakit HIV/AIDS Muslim di bawah jagaan mereka. Niat murni beliau untuk membawa keluar mereka dari gereja telah menjadi titik bermulanya penubuhan rumah kebajikan pesakit AIDS Muslim yang pertama di Malaysia iaitu Darul Ukhwah.

Melalui pertemuan pertama kali di gereja, Ustaz Muhamad Abdullah Amin bertekad dan berusaha mengeluarkan pesakit muslim dan menubuhkan rumah pemulihannya sendiri. Beberapa siri mesyuarat bersama MAIS telah dilaksanakan bersama pegawai-pegawai di Bahagian Pemulihan Riqab dalam usaha untuk mengeluarkan pesakit muslim dari gereja tersebut sehingga menempatkan mereka ke tempat yang baru.

Ahmadulillah hasil kerjasama semua pihak yang terlibat, maka rumah Darul Ukhwah Al-Ijabah berjaya ditubuhkan. Pesakit-pesakit muslim berjaya dipindahkan dari gereja tersebut ke rumah Darul Ukhwah Al-Ijabah.

Pelbagai aktiviti berbentuk kerohanian dan kemasyarakatan dirancang dan diadakan. Penglibatan dan sokongan yang diberi oleh pelbagai pihak terutama MAIS dan pihak yang lain dapat menguatkan lagi azam pihak pengurusan untuk menyusun pelbagai aktiviti bagi manfaat dan kebaikan penghuni.

Oleh itu, sebagai usaha untuk mengurang atau menghilang stigma masyarakat kepada pesakit-pesakit HIV, pihak pengurusan Darul Ukhwah sentiasa mengadakan pelbagai aktiviti program bagi mendekatkan masyarakat kepada penghuni-penghuni Darul Ukhwah dan seterusnya mengikis sikap diskriminasi masyarakat daripada terus membengku golongan ini.



Sebahagian penghuni Rumah Darul Ukhwah sedang mengadakan aktiviti harian.



Ustaz Muhammad bin Abdullah (Ustaz Amin), Pengasas Rumah Darul Ukhwah.

TONGGAK ASAS PENTADBIRAN DARUL UKHWAH

1. PENJAGAAN UBAT

Penjagaan ubat menjadi perkara penting yang amat dititikberatkan oleh pengurusan Darul Ukhwah. Pematuhan dalam pemberian ubat secara berjadual memberi kesan positif terhadap pesakit-pesakit di samping dapat menaikkan semula semangat pesakit.

2. PENJAGAAN KESIHATAN

Dalam jadual harian pesakit, pengurusan Darul Ukhwah menjadikan aktiviti riadah sebagai aktiviti utama dalam penjagaan kesihatan. Pihak pengurusan juga mengadakan kerjasama dengan pusat perubatan elektronik bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pesakit.

3. PENJAGAAN KEROHANIAN

Pihak pengurusan rumah sentiasa mengadakan aktiviti kerohanian seperti ceramah, solat jemaah dan pelbagai aktiviti keagamaan.

4. PEMBENTUKAN JATI DIRI

Pesakit didorong untuk membina keyakinan diri apabila berhadapan dengan masyarakat di samping dapat membentuk jati diri.

5. PROGRAM KEMASYARAKATAN

Pesakit-pesakit dapat melibatkan diri dalam program kemasyarakatan apabila diberi peluang oleh pihak-pihak terlibat terutama program anjuran MAIS.

6. PROGRAM PENERIMAAN KELUARGA

Ahli keluarga disarankan untuk menziarahi pesakit atau penghuni supaya mereka berasa diterima dan menjadikan mereka berfikiran positif dalam menghadapi hidup sebagai pesakit HIV/AIDS.

7. PROGRAM KAUNSELING

Terdapat dua program kaunseling yang diberikan kepada penghuni atau pesakit di Darul Ukhwah iaitu melalui Hospital Sungai Buloh dan pihak Rumah Yayasan Sahabat Iman dan Insan Malaysia (SIDIM). **Edisi**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Program Ibadah Korban, Eratkan Ukuwah MAIS Bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat

JULAI 2023 – Program Ibadah Korban MAIS yang berlangsung, membabitkan Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat MAIS. Sebanyak 17 ekor lembu dikorban dan dagingnya diaghikan kepada golongan asnaf yang berhampiran dan warga kerja di Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS). [Edisi](#)



Forum Perdana Ehwal Islam “Kalkulator Kehidupan”

JULAI 2023 – Forum Perdana Ehwal Islam yang bertajuk ‘Kalkulator Kehidupan’ anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah dilaksanakan dengan jayanya pada 18 Julai 2023 di Putrajaya dengan tontonan 1 juta penonton. [Edisi](#)



Program Ihtifal Pelatihi Bina Semangat Jati Diri 78 Pelatihi Rumah Pemulihan MAIS

OGOS 2023 – Biarpun mereka adalah dari kalangan pelatih di kalangan yang memerlukan bimbingan untuk pemulihan, namun tidak menghalang mereka untuk bangkit membina jati diri dengan menyertai Program Ihtifal Pelatihi yang diadakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). [Edisi](#)



Program Ziarah Merdeka-Hayati Pembangunan Kebajikan Dan Sosial MAIS

OGOS 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil inisiatif menyemarakkan semangat patriotik menjelang sambutan Hari Kebangsaan dengan mengedarkan 3,010 Jalur Gemilang kepada Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS), Agensi dan Anak Syarikat. [Edisi](#)

MAIS Peruntukkan RM25 Juta Tangani Masalah Sosial

SEPTEMBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan sebanyak RM25 juta dari peruntukan zakat asnaf riqab untuk tahun ini bagi membantu dan membimbing golongan terbabit yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan selain pelbagai bantuan lain supaya mereka kembali ke pangkal jalan. [Edisi](#)



MAIS Sumbang RM510 Ribu Kepada 81 Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

SEPTEMBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan berjumlah RM510,000.00 kepada 81 Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang bernaung di bawah MAIS. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Selangor



Program Bicara 2 Mufti

OGOS 2023 - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Program Bicara 2 Mufti di Masjid Bandar Bukit Raja, Klang dengan menampilkan Y.A.D. Dato' Setia Prof. Madya Dr. Hj. Anhar b. Hj. Opir (SS. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor) dan YBhg. Dato' Wan Zahidi b. Wan Teh (SS. Mufti Negeri Perak) serta YBhg. Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman, Ketua Penolong Mufti sebagai moderator. [Edisi](#)



Kunjungan Hormat Syeikh Solah Khalifah Muhammad Khalifah ke Jabatan Mufti Negeri Selangor

OGOS 2023 - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan hormat daripada Fadhilatus Syeikh Solah Khalifah Muhammad Khalifah, Mantan Imam dan Khatib Masjid Saidina Jaafar Jordan (Ahli Lajnah Pentashih Quran Sedunia serta Pemegang sanad Qiraat Kubro dan Sughro). [Edisi](#)



JAKESS Terima Sijil Keaktifan MBJ Tahun 2022

JULAI 2023 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menerima sijil pengiktirafan selepas berjaya melaksanakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) tiga (3) kali setahun mengikut tempoh bagi tahun 2022. [Edisi](#)



Kursus Pemantapan Dan Muzakarah Panel Hakam Negeri Selangor Tahun 2023

SEPTEMBER 2023 - Seramai 35 anggota Panel Hakam telah mengikuti dengan jayanya Kursus Pemantapan dan Muzakarah Panel Hakam Negeri Selangor Tahun 2023 yang diadakan pada 6-8 September 2023 bertempat di KSL Esplanade Hotel, Klang. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor ini telah dirasmikan oleh YAA Dato' Mohammad Adib bin Husain, Ketua Hakim Syarie Selangor. [Edisi](#)

Penyerahan Jalur Gemilang Dan Kempen Kibar Jalur Gemilang JPSS

OGOS 2023 – Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor- JPSS yang diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie, Tuan Haji Zainor Rashid Bin Hassin bersama menyahut seruan kerajaan dan Majlis Agama Islam Selangor dalam mengimarahkan bulan kemerdekaan pada tahun 2023 ini dengan sesi penyerahan Jalur Gemilang dan mengibarkan Jalur Gemilang peringkat Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor. [Edisi](#)



Bengkel Semakan Proses Kerja Bahagian Perbicaraan & Rayuan JPSS

OGOS 2023 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor- JPSS telah mengadakan Bengkel Semakan Proses Kerja Bahagian Perbicaraan & Rayuan bertempat di Bilik Mesyuarat JPSS. Bengkel berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif dan matlamat yang dibincangkan. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Program Ambang Hijrah Dan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 1445H / 2023M

JULAI 2023 – Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 1445H/2023M mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan Solat Bawah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Membantu Pengurusan Jenazah Nahas Pesawat Di Elmina

Ogos 2023 – JAIS dengan kerjasama beberapa pihak telah membantu pengurusan jenazah mangsa nahas pesawat di Lebuhraya Guthrie. [Edisi](#)



PWS Serah Sumbangan Wakaf Tunai RM40,000.00 Kepada SRA Seksyen 3 Shah Alam

SEPTEMBER 2023 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyerahkan sumbangan Wakaf Tunai berjumlah RM40 ribu kepada Sekolah Rendah Agama Seksyen 3, Shah Alam. [Edisi](#)



PWS Sumbang Wakaf Tunai RM40 Ribu Kepada Surau Al-Muriah, Seri Pristana

SEPTEMBER 2023 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan Wakaf Tunai berjumlah RM40 ribu kepada Surau Al-Muriah, Seri Pristana, Sungai Buloh. [Edisi](#)



341 Pelajar Sekolah Rendah Terima Sumbangan Komuniti

JULAI 2023 – Seramai 341 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Batu Unjur, Klang menerima sumbangan makanan melalui program Komuniti Zakat Selangor dengan kerjasama rakan strategik QSR Brands (H) Berhad dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). [Edisi](#)



300 Sertai CEO Run 2023 Anjuran LZS

OGOS 2023 – Seramai 300 peserta CEO Run berjaya menyempurnakan larian anjuran Lembaga Zakat Selangor (LZS) sempena Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan. [Edisi](#)



Sumber : Universiti
Islam Selangor



Jelajah Bakti Siswa Selangor Lahir Mahasiswa Holistik, Cakna Keperluan Masyarakat

JULAI 2023 - Program Jelajah dan Bakti Siswa Selangor bakal menyokong peranan universiti dalam melahirkan mahasiswa holistik dan berdaya saing. [Edisi](#)



2511 Graduan dirai Sempena Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26

SEPTEMBER 2023 - Universiti Islam Selangor (UIS) meraikan seramai 2511 graduan yang telah tamat pengajian dari pelbagai peringkat terdiri daripada Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke- 26 yang berlangsung mulai 23 hingga 26 September 2023 di Pusat Konvensyen UIS. [Edisi](#)



YIDE Terima Sumbangan RM50,000.00 Dari Econframe Group Berhad

OGOS 2023 - Seramai 50 orang anak-anak yatim dirai dalam satu majlis penyerahan sumbangan kepada anak-anak yatim yang telah melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta menerima sumbangan tunai yang ditaja oleh Econframe Group Berhad. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan
Islam Darul Ehsan



Sumber : Teraju Ekonomi Asnaf SB TERAS

Malam Agungnya Cinta 2023 Dan Pelancaran Bulan Anak Yatim 2023, Yayasan Islam Darul Ehsan

SEPTEMBER 2023 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) buat julung kalinya mengadakan program Malam Agungnya Cinta 2023 dengan bertemakan "Mensyukuri Kebahagian Anak Yatim" Sempena Pelancaran Bulan Anak Yatim tahun 2023. [Edisi](#)



Teras Rakan Pelaksana Bagi Program iTEKAD Bank Negara Malaysia (BNM)

OGOS 2023-TERAS merupakan rakan pelaksana bagi program iTEKAD. Majlis iTEKAD Networking Event telah diadakan di Sasana Kijang dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. [Edisi](#)



Kerjasama MSU Dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS)

OGOS 2023 – Faculty of Business Management and Professional Studies (FBMP), Management and Science University (MSU) telah menganjurkan program MSU FBMP Entrepreneur Week 2023 pada 7 hingga 11 Ogos 2023. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 3/2023)



Oleh: Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamualaikum. (Apa khabar pembaca semua?) Pada kali ini kita akan mempelajari apakah barang yang ada di dapur rumah kita dalam Bahasa Arab ya.

Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Bahasa Inggeris
Daging	لَحْمٌ	Meat
Buah-Buahan	فَوَاكِهٌ	Fruits
Cerek	إِبْرِيقٌ	Kettle
Sudu	مِلْعَقَةٌ	Spoon
Garfu	شُوْكَةٌ	Fork
Gelas	كُوبٌ	Glass
Piring	صَحنٌ	Saucer
Pisau	سِكِّينٌ	Knife
Peti Sejuk	ثَلَاجَةٌ	Refrigerator
Tong Sampah	مَزَبْلَةٌ	Dustbin
Sayur-Sayuran	خُضْرَوَاتٌ	Vegetable
Makaroni	مَكْرُونَةٌ	Macaroni
Kek atau halwa	كَعْكٌ	Cake
Dapur	مَطْبَخٌ	Kitchen
Meja Makan	خِوَانٌ	Dining Table
Dapur Memasak	مَوْقِدٌ	Stove

Kita boleh menggunakan kalimah-kalimah di atas sehari-hari. Misalnya:

Ali, tolong ambilkan saya sudu dan garfu, saya mahu makan.
Maka dalam Bahasa Arab:

علي، خذ الملعقة والشوكة من الطاولة

Aishah, jom kita ke dapur.

عائشة، دعونا نذهب إلى المطبخ

Peti sejuk itu sangat besar.

الثلاجة ضخمة

Bagaimana? Mudah sahajakan. Maka, ayat ini boleh diamalkan sehari-hari dan semoga kita menjadi lebih bijak menggunakan Bahasa Arab sehari-hari. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KETIGA PULUH ENAM)

أوليه : نورانита بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

”ايجاءن تراديسى“

فركتاءن ايجاءن تراديسى دواريشي دري
سيستم ڨنوليسن عرب. كباپقن ايجاءن اين
تيدق مغکوناكن حروف فوك (ا، و دان ي)
كران مشاركت کتيک ايت مغکوناكن قاعده
باريس. ايجاءن تراديسى اين تركچوالي معيکوت
قراتورن ايجاءن کات ملايو جاتي

کاجين دمي کاجين تله دجالنکن معناءي
جومله سبز ايجاءن تراديسى، نامون ماسيه
بلوم اد کتتفن. تربارو، منوروت در. ادي
يسران بن عبدالعزيز، دالم کاجينش بلياو
پيناريکن ايجاءن تراديسى سباپق 25 ياءيت

ياءيت	شرجي	درقد	ایت	ماءنسى
تیاد	ای	جک	این	شرکاوي
بیت	دري	دمکین	مک	قريكماءنسيءان
قد	اد	جکالاو	دي	کقد
شرکالوك	د	ماءنسياوي	ليم	کيت

اینيله واريشن ڨنوليسن ملايو يع ماسيه دقليهارا
دان دککلکن سهیځک کيني

CAHAYA DI HUJUNG LORONG



Oleh: Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Masyarakat kini umpama dibuai-buai dengan kenikmatan dunia apabila melakukan maksiat tanpa segan silu. Perkara salah yang dilakukan ibarat perkara biasa dalam kehidupan.

Menelusuri kehidupan seorang yang tegar dalam melakukan maksiat, team Edisi MAIS mendapatkan kisah sebenar seorang yang pernah terjebak dalam kancang kemaksiatan. Akhirnya bertaubat dengan mencari kebenaran yang nyata dalam agama Islam.

Azhar (bukan nama sebenar) merupakan seorang yang pernah terlibat dalam dunia Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) secara aktif selama lebih daripada 5 tahun. Kini berumur 33 tahun, berkerja swasta di salah sebuah syarikat di Kuala Lumpur.

Alhamdulillah, Azhar kini jalani kehidupan dalam mengikut syariat Islam dan berusaha untuk berubah demi kebaikan. Sokongan yang diberikan oleh kawan-kawan dan agensi yang berkaitan seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menjadikan Azhar lebih kuat dalam meneruskan perjuangan dalam perubahan ke arah yang lebih baik.

a. Bagaimana Azhar boleh terlibat dalam masalah sosial?

"Saya terlibat dengan dunia gay bermula umur 13 tahun. Kemudian mula berjinak dengan dadah. Mulanya saya merupakan mangsa liwat dan selepas itu saya mula aktif sehingga ke dunia Institut Pengajian Tinggi (IPT). Saya mula ketagih dan sehingga saya jadikan ketagihan itu sebagai kerjaya (Money Boy) untuk menampung perbelanjaan harian saya."

b. Apakah faktor yang boleh menyebabkan Azhar terlibat dalam gejala sosial?

"Faktor utama adalah disebabkan kurang sumber kewangan. Saya perlukan duit tetapi tiada jalan mudah yang boleh saya dapatkan duit dalam masa yang singkat.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga faktor kuat saya terlibat dalam dunia LGBT ini. Setiap masa berjumpa dengan mereka ini.

Dalam masa yang sama saya juga hidup dengan kurang kasih sayang. Kurang perhatian daripada ahli keluarga menyebabkan saya hanyut dengan kawan-kawan. Kawan-kawan yang berikan kasih sayang yang lebih."

c. Setelah bertekad untuk berubah yang lebih baik, bagaimana proses pemulihan yang telah dilalui oleh Azhar?

"Alhamdulillah, selepas saya bertekad untuk berubah saya di beri pendedahan dengan adanya pusat pemulihan iaitu Pertubuhan Insan Permata Di Sayangi (PINTAS). Saya telah menjalani proses pemulihan di rumah tersebut.

Sahabat di PINTAS sentiasa memberi sokongan kepada saya untuk berubah. Sentiasa berada di samping saya untuk mencari kebenaran dalam agama Islam.

Tidak ketinggalan, saya juga menjalani proses pemulihan yang telah dianjurkan oleh MAIS. Antaranya ialah Program Penghayatan Islam dan Kelas Bimbingan Agama."

d. Apakah saranan dan nasihat terhadap masalah sosial yang berlaku pada masa kini?

"Saya berharap agar masyarakat cakna dengan gejala sosial atau gejala LGBT yang berlaku di sekeliling. Bekerjasama dalam membendung permasalahan ini. Peranan ibu bapa juga sangat penting agar gejala tidak berleluasa. Dekati anak-anak dengan hikmah."

Sekiranya ada dikalangan LGBT yang hendak berubah, pimpinlah mereka dengan ajaran agama Islam yang sebenar dan masyarakat janganlah meletakkan stigma negatif kepada golongan LGBT ini." **Edisi**



PERTUBUHAN INSAN PERMATA DISAYANGI (PINTAS)

No 2, Jalan Bangi Avenue 7/17 Bangi Avenue 3, 43000, Kajang Selangor

@NGOI PINTAS



Permata Pintas



pintasngoi



permata pintas@gmail.com

IBADAH SEORANG LGBT



Oleh: Mohamad Shukry Bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Sumber:

https://www.academia.edu/30404967/Apa_itu_LGBT,

<https://muftiwip.gov.my/artikel/bayan-linnas/1820-siri-5-isu-transgender-tasyabuh-atau-penyerupaan-hukumnya-edisi-kemaskini>

<https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/download/701/516>

Fenomena LGBT telah menjadi satu isu hangat era kini. Fenomena ini bukan lagi isu yang baru di Malaysia namun telah mula bertapak di negara ini sejak awal 1890 an (Nor Hafizah & Nor Saleha. 2016).

LGBT merupakan singkatan daripada perkataan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender. Lesbian merujuk kepada golongan perempuan mempunyai daya tarikan sesama perempuan. Gay pula merujuk kepada golongan lelaki mempunyai daya tarikan sesama lelaki. Biseksual adalah golongan yang mempunyai daya tarikan serta melakukan hubungan seksual dengan kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Transgender pula merujuk kepada seorang lelaki atau perempuan yang mempunyai identiti dan perasaan yang berbeza dengan jantinanya sehingga sanggup menukar organ jantinanya melalui pembedahan. Golongan ini boleh membawa maksud wanita menyerupai lelaki dan lelaki menyerupai wanita.

Di dalam al-Quran, Allah SWT telah mencela perbuatan seumpama ini pada surah Al-Araf, ayat 80-84 :

Maksudnya: Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?" Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri". Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah ia dari orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah, bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan.

Perbuatan ini juga mendapat ancaman seperti yang disebutkan banyak hadis. Antaranya pada Hadis Riwayat Al-Bukhari (5886 & 6834), Abu Daud (4953) dan Al-Tirmizi (2785) : Maksudnya: Nabi SAW telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.

HUKUM IBADAH LGBT

Sebagai seorang Muslim, pastinya mengetahui bahawa wajib ke atas seorang Muslim untuk melakukan ibadah-ibadah yang dituntut seperti yang terkandung dalam rukun Islam selepas mengucapkan kalimah syahadah iaitu solat lima waktu sehari semalam, berpuasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, menunaikan haji (jika berkemampuan). Namun, bagaimanakah hukum ibadah seorang LGBT yang mengakui bahawa mereka adalah seorang Muslim? Di sini kami akan huraikan hukum berkenaan berdasarkan pandangan ulama'.

1 SOLAT

Solat merupakan perkara pertama yang akan dihisab di akhirat kelak. Ibadah solat golongan LGBT adalah sah sebagai mana mengikuti fitrah jantinanya. Jika seorang transgender pada fitrahnya adalah lelaki hendaklah solat sebagaimana jantinanya dan begitu juga jika jantina asal seseorang itu adalah perempuan hendaklah solat sebagaimana seorang perempuan. Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21-22 Sya'aban 1443 bersamaan 24-25 Mac 2022 menyatakan seorang transgender solat sebagai seorang lelaki maka sah solatnya berjemaah dalam saf bersama jemaah lelaki. Bagi permasalahan golongan transgender menjadi imam mempunyai dua pendapat. Hal ini kerana transgender dianggap golongan yang fasik dan berdosa. Menurut mazhab Hanafi dan mazhab Syafie serta satu pandangan dalam mazhab Maliki, makruh imam yang fasik. Bagi Mazhab Maliki dan Hanbali pula, batal dan tidak sah orang yang fasik menjadi imam.

2 PUASA DAN ZAKAT

Bagi ibadah zakat, golongan LGBT wajib mengeluarkan zakat fitrah jika mereka sampai kepada nisab namun golongan ini tidak termasuk dalam lapan kategori penerima zakat seperti yang disebutkan dalam al-Quran. Golongan ini juga tidak terkecuali untuk wajib berpuasa seperti umat Islam yang lainnya, kecuali jika ada uzur syarie seperti sakit, musafir, atau haid.

3 UMRAH DAN HAJI

Bagi ibadah umrah dan haji, hendaklah ibadah tersebut dilakukan mengikut hukum asal kejadian dirinya iaitu lelaki. Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke 28 Musim Haji 1443H yang membincangkan bahawa golongan mukhannas semula jadi atau disengajakan, hendaklah melakukan ibadah haji dan umrah dengan jantina asalnya.

KESIMPULAN

Rumusnya, syarat untuk melakukan ibadah yang dituntut tidak hilang kepada seorang LGBT yang mengakui Muslim walaupun perbuatan LGBT itu sendiri adalah haram. Kami juga menyeru kepada golongan ini untuk usaha bertaubat pada perbuatan ini dan mengajak masyarakat untuk membimbing dan tidak berputus asa berdoa kebaikan pada golongan ini serta tidak mencela individu tersebut meskipun perbuatan tersebut dicela. **Edisi**

LELAKI MINAT LELAKI



Oleh: **Hasal Bin Senin** hasal@mais.gov.my
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

“**S**ayang (Kasim), malam ni on ye ‘projek’ kita, datang bilik aku (Karim) ye nombor 801.”

Hubungan songsang sesama jantina antara lelaki dengan lelaki disifatkan sebagai gejala sosial yang semakin membarah dan memberi kesan negatif kepada masyarakat hari ini. Pelakunya tidak mengenal siapa sama ada individu biasa, selebriti, pendakwah, guru, warden dan sebagainya. Penularan gejala songsang itu juga jelas memperlihatkan tanda bahawa dunia kini sudah semakin ke penghujung dan menjadi tanda-tanda kepada akhir zaman. Perkembangan teknologi komunikasi terutama internet yang menjadi saluran utama masa kini, memudahkan lagi golongan terbabit yang lazimnya dipanggil gay untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan tidak sihat itu. Malah, kemunculan media sosial dan adanya kelab gay yang menjadi landasan mereka untuk saling berhubungan dalam kelompok yang sama tanpa gangguan pihak lain.

Penulis ingin berkongsi pengalaman seorang wanita yang pernah berkahwin dengan seorang lelaki homoseksual. Di awal perkenalan mereka kelihatan normal sehingga apabila berkahwin barulah beliau mengetahui bahawa suaminya seorang homoseksual kerana setelah enam bulan berkahwin suaminya tidak pernah menyentuhnya apatah lagi tidur bersama. Apabila si isteri mengajak tidur bersama si suami sentiasa memberi alasan penat, ingin menyendiri dan adakalanya marah-marah tanpa sebab. Rahsia terbongkar setelah melihat sendiri telefon suaminya menghantar pesanan kepada rakan lelakinya dengan kata-kata menghairahkan dan pernah tidur bersama di hotel mewah. Akhirnya perceraian menjadi jalan terakhir setelah kebahagiaan yang dimimpikan tidak kesampaian.

Daripada Abu Hurairah RA Nabi Muhammad SAW bersabda;

“Empat jenis manusia dimurka Allah pada waktu pagi dan dikutuk Allah pada waktu petang.” Aku bertanya; “Siapakah mereka itu wahai Rasulullah?” Baginda menjawab; “Orang lelaki yang menyerupai perempuan, perempuan yang menyerupai lelaki, orang yang melepaskan nafsu pada binatang dan orang yang datang kepada lelaki (homoseksual).” (Hadis Riwayat al-Baihaqi)



Berikut adalah panduan yang menggariskan empat ciri atau ‘simptom’ gay;

Mempunyai badan sasa dan suka menunjukkan aset di badan (pakai baju v-neck, sleeveless)

Suka memakai baju yang ketat dan fit mengikut tubuh dengan warna yang terang

Lebih cenderung minat kepada lelaki

Suka berjalan-jalan dengan membawa beg yang besar seperti beg perempuan

Tindakan segera dan perhatian yang serius perlu diberikan sekiranya menunjukkan “simptom” berkenaan agar pencegahan awal dapat dilakukan. Selain itu, disarankan agar pihak yang bertanggungjawab dapat mengedarkan artikel, buku maupun garis panduan untuk mengenali golongan ini supaya semua pihak dapat memainkan peranan bagi mengelakkan kegiatan yang semakin menunjukkan peningkatan.

Isu ini jelas menunjukkan kesan dan pengaruh yang sangat negatif terhadap masyarakat di negara kita. Ia mesti dicegah melalui pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Sekiranya golongan ini dibiarkan hanyut, apakah akan lahir golongan yang akan melakukan perubahan ke arah generasi cemerlang dan negara terbilang yang akan menaikkan martabat bangsa dan negara di tahap yang tertinggi. Maka setiap pihak haruslah berganding bahu untuk mencari inisiatif mengatasinya.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**

LUPUSKAN WANG atau HARTA TIDAK PATUH SYARIAH anda SEKARANG



Pandangan Imam al-Syafie juga telah menyatakan bahawa syariah telah melarang lapan perkara pokok iaitu **riba, gharar, perjudian, penipuan, rampasan, ihtikar (monopoli barang), rasuah dan perniagaan yang tidak patuh syariah serta mendatangkan kemudarat (seperti arak, babi, bangkai, makanan yang memudaratkan, pendapatan daripada pelacuran dan seumpamanya).**

Manakala kebanyakannya fuqaha' mutakhir ini mentakrifkan **harta tidak patuh syariah** ialah **harta yang dimiliki dan diperolehi melalui wasilah yang tidak diiktiraf oleh syarak seperti rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, transaksi riba, perlindungan insurans konvensional, keuntungan pelaburan di dalam sekuriti tidak patuh syariah dan seumpamanya.**



HUBUNGI KAMI SEKARANG UNTUK LUPUSKAN

ANDA BERMINAT DALAM BIDANG PENGURUSAN HARTA ISLAM?

Jom bersama kami sebagai

PERANCANG PEWARISAN ISLAM MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PPI MAIS)

Kami membuka peluang kepada sesiapa yang berminat untuk menjadi PPI MAIS dalam perkhidmatan wasiat & hibah MAIS dengan syarat-syarat tertentu.

Bina kerjaya anda sambil menambah pendapatan sebagai PPI MAIS sekarang.

Hubungi Bhg. Dakwah & Pemasaran, Baitulmal MAIS

03-5514 3773 / 3772 atau 010-251 9556 (WhatsApp).



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

EDISI مايس

www.mais.gov.my



AUTO KAN SENANG!!

1 Sept - 31 Dis 2023

Bayar ZAKAT secara
BULANAN dengan
DIRECT DEBIT dan
MENANGI HADIAH
berjumlah keseluruhan

RM 6,000

Terma & Syarat

- Penyertaan terbuka kepada semua individu, peniaga, syarikat yang mula mendaftar pembayaran zakat secara bulanan ke LZS melalui kaedah platform Direct Debit pada tempoh kempem dilaksanakan.
- Penyertaan bermula 1 September 2023 dan berakhir 31 Disember 2023.
- Pemenang dipilih melalui e-cabutan yang dijangka akan dibuat pada akhir Januari 2024.
- Pengangur (LZS) berhak melakukan sebarang pindaan terhadap hadiah dan syarat penyertaan.
- Keputusan pemilihan adalah muktamad.

 UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)
Dahulu dikenali sebagai KUIS

KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SEPANJANG TAHUN 2023

IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PhD)

IJAZAH SARJANA

IJAZAH SARJANA MUDA

DIPLOMA

ASASI



JOM MASUK
UIS



IMBAS DI SINI

+6019-3896937 / +6019-2260746 | +603-89117016 | www.kuis.edu.my | fbkuis | instakuis

VIRAL KINI:
LELAKI
MINAT
LELAKI

Ms 18

KATEGORI/HADIAH:

ZAKAT PENDAPATAN

6X RM 500

*DIKREDITKAN KE AKAUN AL AWFAR BANK ISLAM

ZAKAT PERNIAGAAN

3X RM 1,000

*BAUCAR MEMBELI BELAH

IMBAS KOD QR
UNTUK DAFTAR
DIRECT DEBIT



 zakatselangor |  zakatTV@youtube